

al-Iqyad

JOURNAL OF ISLAMIC AND CONTEMPORARY ISSUES

E-ISSN 2650-1992

VOL. 8, NO. 2 (2023)



Geometrics in the Illumination of Terengganu Quran Manuscript (L.M.N.T 2002.1)

Omar, M., Ibrahim, M., Abdullah, I., Yaakub, R., Mohd Razali, H., Md Hashim, S. F., Daud, M. Z., & Jakaria, R. B.

1107-1118

The Relevance of *al-Kay's* Treatment according to the Perspective of Prophetic Hadith

Usman, A. H., Muhammad Noor, U., & Azwar, A.

1119-1131

Research on Thematic Exegesis in Malaysia: A Literature Review from 2019 to 2023

Nasir, N., Hussin, H., Ahmad, M. N., & Qadafy, M. Z.

1132-1145

Sayyid Quṭb and His Methodology in Dealing with the Verses Related to Prophetic History: An Analytical Study in His Exegesis "Fī Zilāl al-Qur'ān"

Ismail, M. A., Abuzaed, W. A., & Mohd, N.

1146-1165

Zakat Capital Assistance Programme for Asnaf Entrepreneurs: Issues and Challenges

Zuhairah, I. A., Taha, R., Hamzah, M. A., Salleh, Z., Ahmad, N., Azmi, R., & Gambo, M. H.

1166-1177

***al-Kināyah* Approach in Communication of Rasulullah (PBUH)**

Hussin, M., Seman, H. M., Pa, M. T., Sapar, A. A., Mohd Rifain, S. R., & Yoyo, Y.

1178-1192

The Dignity of *al-Mawḍū'ī's* Approach to Tafsir in the Writing of Tafsir in the Era of Globalization


Abu Bakar, S., Hussin, H., Wan Abdullah, W. N., & Nur, A.

1193-1204

The Topics of Islamic Literature in the Literary Works of Yūsuf al-'Azm

Mohamad Zainol, N. F., Ahmad H. Osman, R., & Abdel Nasser Saeed, S.

1205-1222



Published biannually by:
**Faculty of Islamic Civilisation Studies,
Universiti Islam Selangor (UIS)**
📍 Bandar Seri Putra, 43000, Bangi, Selangor (Darul Ehsan), Malaysia
☎ 603-8911 7167 📠 +603-8925 4402
✉ info@kuis.edu.my
🌐 <https://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad>

Kajian Tafsir Tematik di Malaysia: Sorotan Literatur Tahun 2019 sehingga 2023


Research on Thematic Exegesis in Malaysia: A Literature Review from 2019 to 2023

Najihah Nasir, Haziyah Hussin, Mohd Nazri Ahmad, & Mu'ammam Zayn Qadafy

To cite this article:


Nasir, N., Hussin, H., Ahmad, M. N., & Qadafy, M. Z. (2023). Kajian tafsir tematik di Malaysia: Sorotan literatur tahun 2019 sehingga 2023. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 8(2), 1132-1145. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v8i2.396>

To link this article:

 <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v8i2.396>

Full Terms & Conditions of access and use can be found at:

 <https://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/open>

 Published online: 29 December 2023


 Submit your article to this journal:
<https://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/about/submissions>

 View related articles:
<https://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/issue/archive>

Disclaimer

The views expressed in this article are those of the author. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* shall not be liable for any loss, damage or other liability caused by / arising from the use of the contents of this article.





Kajian Tafsir Tematik di Malaysia: Sorotan Literatur Tahun 2019 sehingga 2023

[Research on Thematic Exegesis in Malaysia: A Literature Review from 2019 to 2023]

Najihah Nasir ^{1*}, Haziyah Hussin¹, Mohd Nazri Ahmad¹, & Mu'ammam Zayn Qadafy²

¹ Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), MALAYSIA.

² Fakulti Ushuluddin dan Pemikiran Islam, UIN Sunan Kalijaga, Yogyakarta, INDONESIA.

* Corresponding Author: Najihah Mohamad Nasir. Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia.  najihahmohdnasir98@gmail.com.  (+60) 13-915 3936. ORCID iD: <https://orcid.org/0009-0003-9479-4664>.

Keywords:

Approach, Thematic Exegesis, Contemporary Interpretation, Malaysia, Literature Review.

ABSTRACT

Thematic exegesis is an interpretive approach to interpreting the Quran thematically by collecting relevant Quranic verses related to the studied theme. This interpretive approach has gained recognition among Quranic scholars due to its methodological dimensions and unique advantages in delving into the contents of the Quran. Moreover, thematic exegesis represents a contemporary interpretative method that can elevate the Quran as a reference for today's modern society. However, extensive research is lacking in compiling and providing a literature review regarding thematic exegesis studies. This article aims to highlight and present a literature review of past studies related to thematic exegesis in Malaysia. The article's sources were obtained from the WoS, Scopus, and Google Scholar databases covering 2019 to 2023. The gathered data was filtered based on publication year, material type (articles), and specific studies within Malaysia. The study's findings highlighted four themes of thematic exegesis research in Malaysia: the definition of thematic exegesis, its history and development, types and methods, and the implementation of these methods in Quranic studies.

Kata Kunci:

Pendekatan, Tafsir Tematik, Tafsir Kontemporari, Malaysia, Sorotan Literatur.

ABSTRAK

Tafsir tematik merupakan satu pendekatan tafsir yang digunakan bagi mentafsirkan al-Quran secara bertema dengan mengumpulkan ayat-ayat al-Quran berkaitan dengan tema yang dikaji. Pendekatan tafsir ini mendapat tempat dalam kalangan sarjana tafsir. Hal ini kerana pendekatan tafsir tematik mempunyai dimensi metodologi dan kelebihan yang tersendiri dalam membahaskan kandungan al-Quran. Selain itu, tafsir tematik adalah satu metode pentafsiran kontemporari dan mampu mengangkat al-Quran sebagai rujukan masyarakat moden. Walau bagaimanapun, kurang kajian yang melakukan sorotan literatur mengenai kajian tafsir tematik ini. Tujuan artikel ini adalah untuk menyoroti literatur kajian lepas yang berkaitan dengan kajian tafsir tematik di Malaysia. Sumber pencarian artikel adalah daripada pangkalan data *Web of Science* (WoS), *Scopus* dan *Google Scholar* dari tahun 2019 sehingga tahun

2023. Data yang dikumpulkan disaring mengikut tahun terbitan, jenis bahan iaitu artikel dan kajian khusus di Malaysia. Dapatan kajian mendapati empat tema kajian tafsir tematik di Malaysia iaitu definisi tafsir tematik, sejarah dan perkembangannya, jenis dan metode serta aplikasi metodenya dalam kajian al-Quran.

ARTICLE HISTORY

Received: August 21, 2023

Accepted: November 27, 2023

Online Published: December 29, 2023

This is an open access article under the CC BY-NC license.



To cite this article:

Nasir, N., Hussin, H., Ahmad, M. N., & Qadafy, M. Z. (2023). Kajian tafsir tematik di Malaysia: Sorotan literatur tahun 2019 sehingga 2023. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 8(2), 1132-1145. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v8i2.396>

I. PENDAHULUAN

Kegiatan pentafsiran al-Quran telah tumbuh dan berlaku pada fasa awal perkembangan Islam. Hal ini berlaku dengan adanya ayat-ayat tertentu yang tidak difahami maksud dan kandungan oleh sahabat RA lalu mereka merujuk kepada Rasulullah SAW (Othman, 2018). Setelah kewafatan Rasulullah SAW, perkembangan Islam semakin pesat dan keperluan untuk memahami isi kandungan al-Quran semakin meningkat. Tambahan pula, ramai orang bukan Arab masuk Islam dan mempelajari bahasa Arab (Hijāzī, 2010). Berdasarkan hal itu, ulama tafsir memandang berat usaha memelihara kesucian ayat-ayat Allah SWT dengan menggariskan kaedah pentafsiran al-Quran supaya dapat mengelakkan salah faham terhadap makna al-Quran. Sepanjang sejarah Islam, kaedah-kaedah pentafsiran ini terus berkembang hingga membentuk pelbagai corak dan metodologi tafsir. Terdapat historiografi tafsir yang telah diusulkan oleh sejarawan tafsir, seperti *Die Richtungen der Islamischen Koranauslegung* (Goldziher, 1920), *Qur'anic Studies* (Wansbrough, 1977), *al-Tafsīr: Ma'ālim Ḥayātih Manhajuhu al-Yawm* (al-Khūlī, 2003), *al-Naḥw wa Kutub al-Tafsīr* (Rufaydah, 1990), *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn* (al-Dhahabī, t.th.), *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn fī Thawbih al-Qashib* (Ma'rifah, 1997) dan *al-Tafsīr wa Rijāluh* (Ibn 'Ashūr, 1970).

Sebagaimana pemerhatian yang dilakukan oleh Qadafy (2022) bahawa para pensyarah dan mahasiswa di dunia Islam, termasuk di Indonesia dan Malaysia, tidak memberi perhatian yang mendalam terhadap kitab yang disenaraikan di atas. Sebaliknya, historiografi tafsir versi al-Dhahabī dengan segala unsur salafinya menjadi kriteria penting dalam sesetengah kes dan dijadikan piawai untuk menilai kesahihan sesebuah karya tafsir sama ada ia diterima oleh *ahl al-Sunnah* atau tidak. Menurut Ibn Taymiyyah (m. 728 H.) dalam Sholeh (2018), pentafsiran al-Quran secara *al-ma'thūr* adalah sesuatu keterangan dan penjelasan melalui ayat-ayat al-Quran atau periwayatan daripada Rasulullah SAW, sahabat dan tabi'in. Definisi ini juga disokong oleh al-Khālidī dan menegaskan bahawa metode ini adalah jalan pentafsiran yang terbaik. Beliau juga menjelaskan bahawa *tafsīr bi al-ra'yī* merupakan pentafsiran berdasarkan ijtihad mufasir dan kedalaman penelitiannya dalam menjelaskan makna al-Quran serta mengeluarkan petunjuk dan hukum-hukumnya (al-Khālidī, 2010).

Pelbagai pendekatan atau uslub diimplementasikan oleh mufasir untuk mengungkapkan makna-makna al-Quran (Kusroni, 2019). Empat pendekatan yang diterapkan dalam pentafsiran al-Quran ialah tafsir *tahlīlī*, *ijmālī*, *mawḍu'ī* dan *muqāran*. Tafsir *tahlīlī* merupakan satu pendekatan mentafsirkan ayat al-Quran mengikut susunan mashaf, sama ada mufasir mentafsirkan sekumpulan ayat atau surah atau keseluruhan al-Quran. Penjelasan ayat yang dibawakan merangkumi makna perkataan, aspek retorik, sebab penurunan, hukum hakam, makna ayat secara umum dan lain-lain (Hussin et al., 2012; al-Rūmī, t.th.). Tafsir *ijmālī* ialah satu metode pentafsiran al-Quran dengan mengemukakan tujuan utama ayat dan isi kandungannya. Tafsir *mawḍu'ī* pula merupakan pendekatan yang mengumpulkan ayat-ayat al-Quran berkaitan dengan sesuatu topik atau tema tertentu sebelum mentafsirkannya. Tafsir *muqāran* menggunakan pendekatan mentafsirkan ayat al-Quran dengan membandingkan satu ayat atau beberapa ayat yang lain, hadis, pendapat sahabat dan tabi'in, pendapat

mufasir lain atau membandingkannya dengan kitab tafsir yang lain. Kemudian, mufasir akan mentarjih hukum dan pendapat yang lebih tepat setelah melakukan perbandingan (al-Rūmī, t.th.). Di Malaysia, hanya tiga pendekatan tafsir yang digunakan secara meluas dalam penulisan tafsir, iaitu *tahlīlī*, *ijmālī* dan *mawḍu'ī* (Hussin et al., 2012).

Pada zaman moden ini, tafsir *mawḍu'ī* atau tematik ini berkembang menjadi satu metodologi tersendiri dalam bidang tafsir. Hal ini menunjukkan bahawa perkembangan tafsir mengikut peredaran zaman dan keadaan semasa (Mohamed et al., 2023). Menurut Hijāzī (2010), metode pentafsiran secara tematik berlaku dengan menghimpunkan ayat-ayat al-Quran mengikut tema tertentu, kemudian menganalisis ayat al-Quran yang dikumpulkan itu secara mendalam dan komprehensif, dan meneliti aspek penurunan ayat serta korelasinya dengan ayat sebelum dan selepasnya. Metode ini dilaksanakan secara sistematik. Menurut Yardho (2019) pula, tafsir *mawḍu'ī* merupakan satu metode pentafsiran dengan menghimpunkan keseluruhan ayat al-Quran dalam satu tema tertentu. Kemudian, ayat yang dikumpulkan itu dibahas dan dianalisis kandungannya sehingga menjadi kesatuan tema yang utuh. Dengan kata lain, metode ini berupaya memahami cara pandang al-Quran yang utuh mengenai satu topik dan merupakan satu metode yang tepat dalam menjawab isu. Hal ini juga menunjukkan bahawa pentafsiran ini mempunyai langkah-langkah yang tersendiri kerana al-Quran mempunyai pelbagai tema perbahasan seperti sosial, politik dan pendidikan yang boleh dimanfaatkan dan didedahkan kepada masyarakat (Yardho, 2019). Antara sarjana tafsir moden yang mengimplementasikan metode tafsir tematik ialah al-Biqā'ī dalam karyanya, *Tanāsūb al-Āyāt Wa al-Suwar*, al-Suyūṭī dalam *Qat' al-Azhār fī Kashf al-Asrār*, Ibn 'Ashūr dalam *al-Tahrīr wa al-Tanwīr* dan Sa'īd Ḥawwā dalam *al-Asās fī al-Tafsīr* (Ula & Elatrash, 2019).

Definisi yang hampir sama dikemukakan oleh Abu Bakar, Hussin dan Wan Abdullah (2019), Daroini dan Hamidah, (2021), dan Nursidik dan Maulana (2021), iaitu tafsir tematik adalah satu pendekatan tafsir yang digunakan bagi mentafsirkan al-Quran secara bertema dengan mengumpulkan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan tema yang ditetapkan. Kemudiannya dihuraikan dan disimpulkan supaya mudah difahami dan perbahasannya lebih berfokus. Nazhifah dan Karimah (2021), pula menyatakan bahawa metode tafsir tematik menjadi satu wadah yang perlu diambil berat dalam bidang tafsir pada era moden ini agar ia dapat menambahbaik metode dakwah untuk menjadikan al-Quran sebagai solusi kepada masyarakat. Abas dan Sahad (2021), menjelaskan bahawa metode tafsir tematik ialah pendekatan kontemporari dalam menganalisis dan mentafsirkan al-Quran secara tematik. Ia mempunyai disiplin dan sistematik yang tersendiri. Kajian Yunus et al. (2021), telah mengkaji pemikiran beberapa tokoh mengenai pendekatan tafsir tematik, dan mendapati Al-Farmawi melakukan tematik secara teks al-Quran kepada isu semasa atau realiti, manakala Baqir al-Sadr membawa isu kemudian mengumpulkan ayat al-Quran yang memenuhi keperluan isu semasa dan realiti tersebut. Dalam pada itu, Rokim (2017) dan Usman dan Ibrahim (2014), mencapai satu pendapat yang hampir sama dengan menyatakan bahawa tafsir tematik merupakan satu ilmu atau metodologi yang membahaskan tentang permasalahan dalam ayat al-Quran sama ada semua ayat atau sebahagiannya yang mempunyai kesatuan makna ataupun tujuan yang dibina setelah pengumpulan ayat yang terpisah, kemudian menganalisis keadaan tertentu bagi menjelaskan maknanya, mengeluarkan unsur yang dikandungnya serta mengikat ayat-ayat tersebut dengan ikatan yang menyeluruh. Tafsir tematik ini merupakan tafsiran moden walaupun memiliki usul dari zaman dahulu, tetapi perbahasannya tidak seluas pada zaman sekarang.

Banyak kajian yang telah dilakukan tentang tafsir tematik, namun dalam tempoh lima tahun terkini belum ada sorotan literatur secara sistematik dilakukan. Meskipun begitu, terdapat satu kajian yang dilakukan pada tahun 2019 oleh Abu Bakar et al. (2019), mengenai perkembangan penulisan tafsir tematik di Malaysia yang menyoroti penulisan kitab-kitab tafsir tematik di Malaysia pada tahun 1992 sehingga 2018. Berfokus kepada Malaysia untuk menampakkan kajian tafsir tematik di Malaysia semakin berkembang. Namun, metode dan skop kajian tersebut bukanlah berbentuk sorotan sistematik. Oleh itu, artikel ini bertujuan menyoroti kajian-kajian tentang tafsir tematik bermula tahun 2019 sehingga 2023. Sorotan literatur sistematik ini adalah berdasarkan persoalan kajian berikut: Apakah tema-tema pengkajian tentang tafsir tematik yang dilakukan di Malaysia?

2. METODOLOGI KAJIAN

Artikel ini menyoroti kajian-kajian lepas mengenai pendekatan dan kajian tafsir tematik di Malaysia. Sumber-sumber yang dianalisis diperolehi secara atas talian daripada pangkalan data *WoS*, *Scopus* dan *Google Scholar*. Penilaian dan pemilihan artikel dilakukan berdasarkan kata kunci yang dicari sama ada dalam bahasa Malaysia, bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Carian artikel yang dilakukan hanyalah berdasarkan lima tahun terkini iaitu pada tahun 2019 sehingga tahun 2023 serta berbentuk artikel. Hal ini supaya analisis lebih terkawal dan kurang kompleks dengan menghadkan tempoh kajian. Seterusnya dapat meningkatkan kesahihan dan ketepatan kajian.

Langkah-langkah yang digunakan dalam sorotan literatur ini adalah: Pertama, menentukan persoalan kajian, iaitu apakah bentuk-bentuk kajian tafsir tematik yang dilakukan di Malaysia? Langkah kedua adalah mengenalpasti dan menyaring artikel-artikel daripada WoS, Scopus, dan Google Scholar dari tahun 2019 sehingga tahun 2023 dengan menggunakan pencarian tribahasa kata kunci. Saringan yang telah dilakukan mendapati sejumlah 56 kajian di WoS, 512 kajian di Scopus dan 1271 kajian di Google Scholar yang terdiri daripada artikel, buku, kertas kerja seminar dan persidangan dalam kajian di Malaysia dan Indonesia. Setelah itu, dikecualikan bahan bukan artikel seperti kertas seminar, kertas kerja, bahan persidangan, buku dan bahan kajian daripada Indonesia. Fokus carian adalah yang berkaitan dengan kajian tafsir tematik di Malaysia. Kemudian, membandingkan makalah yang ditemui bagi memastikan tiada duplikasi, hasil yang diperolehi adalah 17 artikel. Jadual 1, Jadual 2 dan Jadual 3 menunjukkan hasil dapatan dan rumusan pencarian.

Jadual 1

Hasil Dapatan Pencarian Artikel di WoS, Scopus dan Google Scholar

Enjin Pencarian	Kata Kunci
Wos	TS= (("thematic exegesis" OR "tafsir mawdu'i" OR "maudhui" OR "interpret*") AND ("Quran"))
Scopus	TITLE-ABS-KEY (("thematic exegesis" OR "tafsir mawdu'i" OR "maudhui" OR "interpret*") AND ("Quran"))
Google Scholar	"tafsir tematik, mawdu'i, thematic exegesis, تفسير الموضوعي, Malaysia"

Jadual 2

Kriteria Kemasukan Data Peringkat Saringan (screening)

Perkara	Kriteria Kemasukan
Tahun Penerbitan	5 tahun (2019-2023)
Jenis Penerbitan	Artikel Jurnal
Jenis Bahasa	Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab
Jenis Dapatan	Semua
Fokus Dapatan	Data yang berkaitan kajian tafsir tematik atau pentafsiran al-Quran di Malaysia

Jadual 3

Proses Saringan Artikel

Perkara	Proses
Pengenalpastian	Rekod pencarian melalui WoS (n=56) Rekod pencarian melalui Scopus (n= 512) Rekod pencarian melalui Google Scholer (n=1271)
Saringan	Rekod disaring (n=1839) Rekod dibuang (n=1822)
Kelayakan	Artikel yang dianalisis (n= 17)

Jadual di atas menunjukkan hasil dapatan, kriteria yang ditetapkan dan rumusan pencarian literatur kajian ini. Seterusnya, penemuan 17 artikel ini disoroti dan dianalisis kandungannya supaya menepati ciri-ciri kajian tafsir tematik di Malaysia bagi menjawab persoalan kajian iaitu apakah tema pengkajian tentang tafsir tematik yang dilakukan di Malaysia bermula tahun 2019 sehingga 2023.

3. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Artikel ini telah menganalisis dan menyoroti 17 artikel yang telah disaring mengikut fokus kajian, iaitu tafsir tematik di Malaysia pada tahun 2019 sehingga tahun 2023. Jadual 4 merupakan pengklasifikasian artikel mengikut tahun dan jurnal terbitan.

Jadual 4

Klasifikasi Jurnal dan Tahun

Jurnal	2019	2020	Tahun 2021	2022	2023	Jumlah
Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues	2					2
Al-'Abqari: Journal of Islamic Social Scinces and Humanities				1		1
Al-Jami'ah: Journal of Islamic Studies				1		1

Al-Takamul al-Ma'rifi		1	1
BITARA: International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences	1		1
e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi		1	1
International Journal of Civil Engineering and Technology (IJCIET)	1		1
Internasional Journal of Academic Research in Business & Sosial Sciences	1	1	2
Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari (JIMK)	1		1
Jurnal of Contemporary Studies (JCIS)		1	1
Journal of Ma'alim al-Qur'an wa al-Sunnah		1	1
Journal of Nusantara Studies (JONUS)	1		1
Quranica: International Journal of Quranic Research		1	1
Voice of Academia		1	1
UMRAN: International Journal of Islamic and Civilizational Studies			1 1

Artikel yang dikumpulkan seterusnya diasingkan kepada beberapa kategori mengikut skop dan bidang kajian. Dua elemen pengkajian yang dibentangkan dalam artikel-artikel yang diketengahkan, seperti yang dinyatakan dalam jadual 5 dan 6 di bawah ini.

Jadual 5

Kajian Tafsir Tematik tentang Konsep Tafsir Tematik

Isu	Pengkaji	Tahun
Perkembangan penulisan tafsir tematik	Abu Bakar, S., Hussin, H., & Wan Abdullah, W. N. W.	2019
Perkembangan kajian tafsir tematik	Ruzi, N., & Ibrahim, M.	2020
Sejarah tafsir tematik dan konsepnya	Abas, N. A., & Sahad, M. N.	2021

Berdasarkan jadual 5 di atas, sebanyak tiga kajian mengenai konsep dan metode tafsir tematik. Dalam kajian [Abas dan Sahad \(2021\)](#), menjelaskan tentang sejarah awal perkembangan tafsir tematik, definisinya secara etimologi dan terminologi, serta membuktikan tafsir tematik ini merupakan satu pendekatan moden. Selain itu, sejarah pertumbuhan dan perkembangan tafsir tematik dilakukan oleh [Abu Bakar et al. \(2019\)](#), dengan memberi fokus kepada perkembangan penulisan tafsir tematik di Malaysia bermula tahun 1940-an sehingga tahun 2015. Kajian yang dilakukan oleh [Ruzi dan Ibrahim \(2020\)](#), menganalisis perkembangan kajian tafsir tematik berbentuk tema atau objektif yang dijalankan di beberapa universiti di Malaysia. Kajian ini berfokus kepada kegiatan pengkajian pada 1990 sehingga 2016.

Jadual 6

Kajian Tafsir Tematik Berdasarkan Jenis

Isu	Jenis Tafsir Tematik	Pengkaji	Tahun
Perkataan Basar dalam karakter manusia	Lafaz	Toure, A. K., Mohamed, A. K., Ahmad, A. M., Mohd, R. A., Hoque, M., Ghazali, N. M., & Ahmad, N. I.	2019
Kematian	Lafaz	Sardaraz, K., Ali, R.	2019
Al-Fulk	Lafaz	Yusof, S. A., Mohamad Akhir, N. S., Mohd Taher, M. S. I., & Mohd Yusof, A. S.	2021
Konsep Israf dalam pengambilan makanan	Lafaz	Mohd, R. A., Mohd Ghazali, N., Fauzi, N., Muhammad Yusuff, M. F., & Mohammad Zaini, N. S.	2023
Prinsip <i>al-Wiqayah</i>	Lafaz	Mardhiah, 'A., & Zul-kifli, H.	2022
Kesantunan bahasa	Tema	Ali, K. Z. C., & Makhsin, M.	2019
Konsep falsafah sains halal	Tema	Said, S., & Hanapi, M. S.	2019
Konsep firasat	Tema	Usman, A. H. & Ahmad, H.	2019
Isu gender	Tema	Alias, B., Yakob, M. A., Saidon, R., & Lahuri, M. S. H.	2020
Doa	Tema	Husain, H.	2022
Asas ekonomi islam	Tema	Rofiq, A., Putra, Y. H. S., Djalaluddin, A., Wargadinata, W., & Anam, K.	2022
Tafsiran Politik dalam al-Quran	Tema	Aras, Z., & Solihin, S.M.	2022
Tarbiyah akidah dalam surah Makkiyyah	Surah	Hamid, S. Z., Usman, A. H., Samsudin, S., & Zahrin, S. N. A.	2021
Akhhlak dalam surah Yusuf (Kecerdasan emosi guru)	Surah	Bohari, M., Yusof, F. M., & Kosnin, A. M.	2021

Jadual 6 menunjukkan kajian berdasarkan jenis-jenis tafsir tematik sama ada bentuk lafaz, tema atau surah. Dalam kajian berkaitan lafaz al-Quran, Toure et al. (2019) meneliti kalimah *Basar* di dalam al-Quran yang bermaksud Maha Melihat. Kajian mereka merumuskan maksud perkataan *Basar* iaitu bukan semata melihat akan tetapi merupakan satu tamparan buat kaum yang tidak beriman. Seterusnya, kajian istilah kematian dalam al-Quran oleh Sardaraz dan Ali (2019) dengan mengumpulkan ayat al-Quran berkaitan kematian dan menghuraikannya secara terperinci. Kajian Yusof, Mohammad Akhir, Mohd Taher dan Mohd Yusof (2021), berkenaan perkataan *al-Fulk* yang bermaksud kapal, menyimpulkan bahawa kapal adalah salah satu daripada anugerah Allah SWT kepada manusia dan merupakan tanda kebesaran dan kekuasaan-Nya. Kemudian, satu kajian lafaz *al-wiqāyah* di dalam al-Quran berkaitan kelestarian alam sekitar oleh Mardhiah dan Zul-kifli (2022). Kajian tematik mengenai konsep *Isrāf* dalam al-Quran pula telah dilakukan oleh Mohd, Mohd Ghazali, Fauzi, Muhammad Yusuff dan Mohammad Zaini (2023) berkenaan pengambilan makanan dengan menyatakan bahawa *Isrāf* dalam konteks ini bertentangan dengan ajaran Islam.

Dalam kajian tafsir tematik berdasarkan tema, Ali dan Makhsin (2019) menganalisis ayat-ayat al-Quran berdasarkan topik konsep kesantunan berbahasa. Kajian ini menyatakan al-Quran membawa unsur tauhid dalam konsep kesantunan berbahasa. Seterusnya, kajian oleh Said dan Hanapi (2019) mengenai konsep falsafah sains halal di dalam al-Quran mendapati tiga elemen yang diterapkan iaitu Allah SWT sebagai pencipta, pembebasan ketuhanan sebagai sumber rujukan utama dan manusia sebagai subjek atas dasar kepercayaan kepada al-Quran. Kajian Usman dan Ahmad (2019) pula menyentuh tentang konsep firasat dan kelebihan orang yang berfirasat. Kajian mengenai isu gender dilakukan oleh Alias, Yakob, Saidon dan Lahuri (2020) bagi menjelaskan berkenaan hak lelaki dan wanita menurut al-Quran. Satu kajian analisis tema doa dalam al-Quran telah dijalankan oleh Husain (2022), yang menganalisis keseimbangan doa antara surah *Makkiyyah* dan *Madāniyyah*. Rofiq, Putra, Djalaluddin, Wargadinata dan Anam (2022) telah menjalankan kajian mengenai falsafah ekonomi Islam dan mendapati tujuh ayat yang berbicara mengenai ekonomi Islam dan nilai-nilai asas ekonomi Islam seperti spritual, kemanusiaan, etika, dan hal teknikal. Kajian Aras dan Solihin (2022) pula mengenai ayat politik dalam al-Quran. Kajian ini membahaskan tafsiran politik secara rasional dan kritikal.

Dalam tafsir tematik surah pula, Bohari, Yusof dan Kosnin (2021), dan Hamid, Usman, Shamsudin dan Zahrin (2021), mengkaji tentang tarbiah akidah dalam surah *Makkiyyah* yang terpilih. Kajian ini adalah untuk mendedahkan tema tarbiah akidah yang dibawa oleh seorang mufasir wanita kontemporari iaitu Zaynab al-Ghazali. Dapatan ini menunjukkan kajian tafsir tematik di Malaysia semakin mendapat tempat dalam kalangan pengkaji di Malaysia khususnya dalam dimensi konsep tafsir tematik dan pengaplikasiannya. Perbincangan yang dikemukakan daripada artikel-artikel terbabit terbahagi kepada empat tema. Justeru, artikel ini membincangkan empat tema yang diperoleh bagi menjawab persoalan kajian, sebagaimana ditunjukkan dalam jadual 7.

Jadual 7

Pembahagian Tema

Pengkaji	Definisi	Sejarah & Perkembangan	Jenis & Metode	Aplikasi Metode
Abu Bakar, S., Hussin, H., & Wan Abdullah, W. N.		Ya		
Toure, A. K., Mohamed, A. K., Ahmad, A. M., Mohd, R. A., Hoque, M., Ghazali, N. M., & Ahmad, N. I.				Ya
Sardaraz, K., Ali, R.				Ya
Ali, K. Z. C., & Makhsin, M.				Ya
Said, S., & Hanapi, M. S.				Ya
Usman, A. H. & Ahmad, H.				Ya
Ruzi, N., & Ibrahim, M.		Ya	Ya	
Alias, B., Yakob, M. A., Saidon, R., & Lahuri, M. S. H.				Ya
Hamid, S. Z., Usman, A. H., Samsudin, S., & Zahrin, S. N. A.				Ya
Yusof, S. A., Mohamad Akhir, N. S., Mohd Taher, M. S. I., & Mohd Yusof, A. S.	Ya	Ya	Ya	Ya
Abas, N. A., & Sahad, M. N.	Ya	Ya	Ya	
Husain, H.				Ya
Rofiq, A., Putra, Y. H. S., Djalaluddin, A., Wargadinata, W., & Anam, K.				Ya
Mohd, R. A., Ghazali, N. M., Fauzi, N., Yusof, M. F. M., & Zaini, N. S. M.				Ya
Mardhiah, 'A. & Zul-Kifli, H.				Ya
Aras, Z., & Solihin, S.M.				Ya
Bohari, M., Yusof, F. M., & Kosnin, A. M.				Ya

Jadual 7 menunjukkan empat tema yang dibincangkan dalam kajian lepas di Malaysia, iaitu definisi tafsir tematik, sejarah dan perkembangannya, jenis dan metode serta aplikasi metode.

3.1 Definisi

Sorotan literatur mendapati kajian tentang definisi dan pengertian tafsir tematik banyak dilakukan oleh para sarjana. Menurut [Yusof et al. \(2021\)](#), istilah tafsir tematik dalam bahasa Arab ialah tafsir *mawḍuʿī*. Kajian ini mendefinisikan tafsir *mawḍuʿī* iaitu pertama, sebagai satu ilmu yang mengkaji isu atau masalah berdasarkan tujuan al-Quran sama ada berdasarkan satu surah atau pelbagai surah. Kedua, mendefinisikan tafsir tematik ini sebagai satu pendekatan dengan mengumpulkan ayat-ayat al-Quran berdasarkan tema dan seterusnya mentafsirkan ayat tersebut mengikut *maqāṣid al-Qurʾān*. Selain itu, kajian ini juga mengambil pandangan Saʿīd Ḥawwā bahawa tafsir tematik ini merupakan ilmu yang mengkaji tentang isu atau masalah berdasarkan al-Quran.

Dalam kajian [Abas dan Sahad \(2021\)](#) mendahulukan makna istilah tafsir *mawḍuʿī* secara berasingan. Istilah tafsir bermaksud menjelaskan atau menerangkan makna al-Quran. Manakala secara terminologinya merujuk kepada satu instrumen untuk mengungkap makna al-Quran dan menjelaskannya mengikut tahap kefahaman manusia. Perkataan *mawḍuʿī*, asasnya bermaksud meletakkan atau meletakkan sesuatu dengan tepat dan secara terminologinya bermaksud masalah atau isu yang memerlukan penerangan daripada al-Quran dalam aspek kehidupan seperti akidah, sosial atau alam semesta. Maka, istilah tafsir *mawḍuʿī* ini didefinisikan sebagai satu kaedah yang menjelaskan sesuatu tema yang berkaitan dengan kehidupan berdasarkan al-Quran.

3.2 Sejarah dan Perkembangan

Kajian berkaitan sejarah pertumbuhan tafsir dan perkembangannya juga diperoleh hasil daripada analisis literatur. Secara umumnya, perkembangan tafsir dapat dilihat dari sejarah pertumbuhan penulisannya. Begitu juga dengan perkembangan tafsir tematik. Pada dasarnya perbincangan sejarah dan perkembangan tafsir tematik telah dimulakan oleh Rasulullah SAW sendiri ([Abu Bakar et al., 2019](#); [Yusof et al., 2021](#)).

Perkembangan tafsir tematik dibahagikan kepada tiga peringkat. Ia telah bermula sejak zaman Rasulullah SAW dan sahabat lagi, kemudian, zaman pengasingan *ʿulūm al-Qurʾān* dan berkembang secara pesat pada zaman moden. Metode pentafsiran al-Quran dengan al-Quran merupakan asas atau teras kepada kaedah tafsir tematik. Pada zaman sahabat, metode dan bentuk pentafsiran yang digunakan sama dengan pada zaman Rasulullah SAW. Namun, sahabat menambah dengan menggunakan ijtihad jika ada keperluan dalam pentafsiran mengikut situasi semasa ([Abu Bakar et al., 2019](#); [Mohamed et al., 2023](#)).

Peringkat kedua pula berlaku pada zaman pengasingan *ʿulūm al-Qurʾān* kepada bidang yang lebih khusus. Pada awal kurun 9 hijrah, para ulama al-Quran menghimpunkan ayat al-Quran yang membicarakan perbincangan perihal *ʿulūm al-Qurʾān* dan menulis kitab-kitab yang khusus mengenainya. Antara ilmu-ilmu yang lahir pada zaman ini ialah *nāsikh mansūkh*, *asbāb al-nuzūl*, *makkī madanī* dan sebagainya. Ilmu-ilmu ini dikumpulkan di bawah satu tema. Maka, sebahagian ulama menganggap pengumpulan ini sebagai satu permulaan atau cetusan kepada aplikasi tafsir tematik ([Abu Bakar et al., 2019](#)).

Peringkat ketiga merupakan zaman moden di mana umat Islam menghadapi serangan pemikiran daripada musuh Islam. Maka, buku-buku dan kajian khusus berkaitan isu-isu dalam al-Quran dihasilkan demi melawan serangan ini ([Abu Bakar et al., 2019](#)). Menurut [Fauzan, Mustofa dan Masruchin \(2019\)](#), pendekatan tafsir tematik muncul pada akhir abad ke-19 apabila Muḥammad ʿAbduh menulis karya tafsir. Beliau juga dianggap sebagai perintis aliran pemikiran sosial dalam tafsir. Istilah tafsir *mawḍuʿī* atau tematik ini merupakan satu istilah moden yang diperkenalkan pada abad ke-20 di Fakulti Usuluddin di Universiti al-Azhar, namun, kajian telah menemui bahawa aplikasi tafsir tematik ini telah muncul sebelum abad ke-20 lagi.

Di Malaysia, perkembangan dan kajian tafsir dikesan pada akhir abad ke-17 ([Hussin & Majid, 2013](#)). Manakala menurut [Abu Bakar et al. \(2019\)](#), perkembangan tafsir tematik di Malaysia pula wujud pada akhir kurun ke-19, dan sejarah ini dikenal pasti berdasarkan kemunculan karya-karya. Penulisan tafsir tematik ditemui pada tahun 1947 terbitan Mustafa Press Kelantan iaitu buku yang bertajuk *Falsafah Berumah tangga (Tafsir Surah al-Mujadalah)* oleh Nik Muhammad Salleh Wan Musa. Kemudian, sebuah lagi kitab tafsir tematik diterbitkan pada tahun 1989 oleh Unit Quran Sunnah dan Kitab, Pusat Penyelidikan Islam, Jabatan Perdana Menteri. Buku ini bertajuk *Ayat-Ayat Dialog Nabi-Nabi dalam al-Quran* serta telah disemak oleh Dato' Hj Ismail Yusoff iaitu bekas mufti Kelantan. Secara ringkasnya, buku ini merupakan tafsir tematik bentuk tema yang mengandungi dialog kisah nabi-nabi, seperti dialog nabi dengan Allah SWT dan dialog nabi dengan umatnya. Kesemua ayat tersebut merangkumi 13 cerita para nabi ([Abu Bakar et al., 2019](#)).

Abu Bakar et al. (2019), berpendapat bahawa tafsir tematik terus berkembang berikutan karya tafsir tematik di Malaysia yang banyak diterbitkan. Hal ini kerana tafsir tematik ini memenuhi permintaan masyarakat dalam memahami makna al-Quran. Pertambahan bilangan karya tafsir tematik ditunjukkan dari tahun 2010 sehingga tahun 2019 telah meningkat sebanyak 45 peratus iaitu 19 buah. Berikut merupakan karya-karya tafsir tematik yang diterbitkan pada sekitar tahun 2010 sehingga 2015.

Jadual 8

Karya Tafsir Tematik Tahun 2010-2015

Tajuk	Jenis Tafsir Tematik	Pengarang	Tahun
Al-Quran Berbicara Tentang Takwa	Tema	Raja Ahmad Mukhlis bin Raja Jamaludin	2010
Fizikal Rahman Di Bawah Naungan Maha Penyayang	Tema	Mohd. Rumaizuddin Ghazali	2010
Tidurnya Mereka 309 Tahun Ashabul Kahfi	Tema	Abdul Fatah Zakaria	2011
Tafsir Ayat-Ayat Ramdan	Tema	Heizal Hezry Omar	2012
Ayat-Ayat Syaitan, Membongkar Rahsia Jin, Syaitan Dan Iblis Dalam Al-Quran	Tema	Abdullah Bukhari Abdul Rahim	2012
Ajarkan Wanitamu Surah Al-Nur	Surah	Nafisah Tahir & Kamal Ashaari	2013
Tafsir Mawdu'i, Surah-Surah Pilihan	Surah	Zulkifli Mohd Yusoff & Ahmad Hassan Farhat	2013
Al-Tafsir Al-Maudu'i Lafaz Al-Nafar Dalam Al-Quran	Istilah	Abur Hamdi Usman & Mazlan Ibrahim	2014
Tafsir Maudhu'iy Jilid 1: Akidah	Tema	Mohd Nizam Sahad	2014
Tafsir Maudhu'iy Jilid 2: Ibadah	Tema	Mohammad Zaini Yahya et al.	2014
Tafsir Maudhu'iy Jilid 3: Kekeluargaan	Tema	Wan Nordin Wan Abdullah et al.	2014
Tafsir Maudhu'iy Jilid 4: Ekonomi dan Kewangan	Tema	Wan Nasyrudin Wan Abdullah et al.	2014
Tafsir Maudhu'iy Jilid 5: Akhlak	Tema	Rijaluddin Yahya et al.	2014
Tafsir Maudhu'iy Jilid 6: Politik dan Urus Tadbir	Tema	Arief Salleh Rosman & Yahaya Jusoh	2014
Tafsir Maudhu'iy Jilid 7: Hudud, Qisas dan Ta'zir	Tema	Lukman Abdul Mutalib et al.	2014
Tafsir Maudhu'iy Jilid 8: Ilmu dan Tamadun	Tema	Suhaila Abdullah et al.	2014
Tafsir Maudhu'iy Jilid 9: Masyarakat dan Pembangunan Sosial	Tema	Muammar Ghadafi Hanafiah et al.	2014
Tafsir Maudhu'iy Jilid 10: Pemuliharaan Alam Sekitar	Tema	Farahwahida Mohd Yusof & Mikdar Rusdi	2014
Tafsir Mawdui: Harta Menurut Perspektif Al-Quran	Tema	Muhd Najib Abdul Kadir & Mazlan Ibrahim	2015

Jadual 8 menunjukkan senarai karya tafsir tematik sekitar tahun 2010 sehingga 2015 berdasarkan kajian Abu Bakar et al. (2019). Di Malaysia, terdapat seorang tokoh tafsir tematik, iaitu Tuan Haji Abdullah al-Qari Haji Salleh atau nama penanya AQHAS. Beliau aktif menulis sejak berumur 15 tahun lagi (Abdul Hadi, Abd Latif, & Abdul Rahman, 2018). Menurut kajian Abu Bakar et al. (2019), AQHAS telah menghasilkan 56 buah karya tafsir tematik. Karya-karya beliau didapati terbahagi kepada tiga kategori iaitu tafsir tematik berdasarkan surah dan tema serta karya umum pengajian al-Quran. Namun begitu, kajian ini merumuskan AQHAS telah menulis sebanyak 11 buku tafsir tematik yang bersifat karya asli. Maka baki 45 buah buku yang bersifat bukan karya asli (terjemahan atau salinan sahaja, namun masih dalam bidang tafsir). Buku tafsir tematik pertama yang dihasilkan adalah jenis surah, iaitu *Tafsir Surah al-Ikhlāṣ*. Berikut merupakan 11 karya asli tafsir tematik Tuan Haji Abdullah al-Qari Haji Salleh:

- i. *Tafsir Surah al-Ikhlāṣ*
- ii. *Tahukah Kamu: Tentera Gajah?*
- iii. *Revolusi Menjaga Masa Menurut al-Quran*
- iv. *Doa Para Nabi, Wali, Orang 'Alim dan Orang Shaalih Dalam Al-Quran*
- v. *Arah dan Tujuan Hidup di Dunia Menurut Al-Quran*
- vi. *Koleksi Bismillah dan Intisari*
- vii. *Ayat-ayat Cabaran dan Bimbingan Allah Merajai Kerajaan Langit dan Bumi Menurut Al-Quran*
- viii. *Bahaya Syirik Menurut Al-Quran*
- ix. *Mencari Hidayah Al-Quran, Perintis Intisari Al-Quran*
- x. *Sumbangan Islam Kepada Sektor Pertanian Negera Menurut Al-Quran dan Al-Sunnah*
- xi. *Surah Tabaarak: Pencegah Seksaan Kubur*

Manakala 45 karya bukan asli seperti berikut:


- i. 40 Hadith Sekitar Keutamaan Al-Kursiy

- ii. 74 Hadith Keistimewaan Suurah Al-Ikhlaash
- iii. Keagungan Ibu Al-Quran Dan Liku-liku Rahsiannya
- iv. Ciri-ciri Mu'min, Kaafir Dan Munafiq Dalam Al-Quran
- v. Sinar Wahyu menembusi Pantun Falsafah Melayu
- vi. Ciri-ciri Hamba Allah Dalam Al-Quran
- vii. Penyembuh & Khasiat Al-Quran
- viii. Cara Beriman dan Ber'aqidah Menurut Al-Quran
- ix. 32 Terokaan Rahsia Ruhani Dalam Al-Quran
- x. Jaminan Sosial Berdasarkan Undang-undang al-Quran
- xi. Pembalasan dan Pahala Dalam Al-Quran
- xii. Metodologi Meneroka Ilmu Mencari Kebenaran Menurut Al-Quran
- xiii. Panggilan Jihad Menurut Al-Quran
- xiv. Barisan Jin Ifrit dan Gangguannya Menurut Al-Quran
- xv. Falsafah Pendidikan Dalam Al-Quran
- xvi. Ciri-ciri Mu'min, Kaafir Dan Munafiq Dalam AL-Quran
- xvii. Mari Berubat Dengan Al-Quran
- xviii. Sejarah, Tugas dan Kemampuan Malaikat Menurut Al-Qura dan Hadith Sahih
- xix. Erti dan Pengertian Qadar dan Qadaa' Menurut Al-Quran dan al-Sunnah
- xx. Aqidah Dinamik Pengubah Sikap Berteraskan al-Quran dan Hadith Sahih
- xxi. Sejarah Penciptaan Alam Ghaib dan Alam Nyata Menurut al-Quran dan Hadith-hadith Sahih
- xxii. Kewajipan & Keunggulan Sembahyang Jemaah Menurut Al-Quran & As-Sunnah
- xxiii. Panduan Adzaan Dan Iqaamah Menurut Al-Quran & As-Sunnah
- xxiv. Panduan Menjampi & Mengguna Jin Menurut Al-Quran dan Al-Hadith
- xxv. Ciri Corak Gagasan 'Aqidah Ahlu As-Sunnah
- xxvi. Keagungan Kalimah Tauhid Dan Penghayatannya
- xxvii. Bacaan Di Hari-hari Akhir Menghadapi Kematian
- xxviii. Martabat Ridha Kepada Qadha' Allah Dan Kepentingannya
- xxix. Unsur-unsur Akhlak dalam Al-Qurab Dan Kitab-kitab Samaawi
- xxx. Dasar-dasar kepercayaan Islam
- xxxi. Memahami dan Meneroka Nur Cahaya 'Hidayah' Ke Syurga
- xxxii. Mengenal Syurga Dalam Serba Keanehan dan Keabadiannya
- xxxiii. Bagaimana Dan Mengapa Kita Perlu Menghafal Al-Quran
- xxxiv. Keagungan Kitab AL-Quran Dan Peminatnya
- xxxv. Cara Baru Mengajar Tajwid & Hafalan Al-Quran
- xxxvi. Rekod Kegigihan Mengkhatami Al-Quran Di Kalangan Salaf
- xxxvii. Ibadah Unggul Telinga Mendengar Al-Quran
- xxxviii. Keutamaan Penghafal Dan Peminat Al-Quran
- xxxix. Pengajaran Membaca al-Quran Cara Baru
 - xl. Lanjutan Khusus Qari dan Qariah
 - xli. Mari Membaca Al-Quran Dengan Menagis
 - xlii. 77 Bid'ah Pembaca Quran
 - xliii. Ilmu Dan Disiplin Memahami Al-Quran (Ilmu Memahami Al-Quran)
 - xliv. Kamus Pantas Mencari Surah-surah al-Quran
 - xlv. Pelajaran Agama (Tafsir al-Quran)

Kajian [Ruzi dan Ibrahim \(2020\)](#) sepanjang tiga dekad kajian tafsir tematik bermula tahun 1990-an sehingga 2016, menemukan sebanyak 154 kajian yang telah dilakukan pada tesis PhD dan buku di dua buah universiti awam, iaitu UKM dan UM. Kajian ini mendapati bahawa pada tahun 2006, bilangan kajian tafsir tematik tertinggi dicatatkan sebanyak sebelas kajian. Manakala, bilangan terendah pada tahun 1992 apabila tiada kajian ditemui. Kemudian, bilangan kajian tafsir tematik mengalami kemerosotan dan telah dibahagikan kepada tiga fasa. Fasa pertama pada tahun 2006 ke 2007 telah merosot dan bezanya sebanyak tujuh kajian. Fasa kedua dari tahun 2008 sehingga 2009, beza sebanyak lima kajian. Fasa ketiga pada tahun 2011 hingga 2012 merupakan kemerosotan yang paling drastik dengan perbezaan sebanyak tujuh kajian. Rajah 1 menunjukkan carta kemerosotan kajian tafsir tematik di UKM dan UM.

Rajah 1

Fasa Kemerosotan Kajian Tafsir Tematik



Rajah 1 menunjukkan data kemerosotan dalam kajian tafsir tematik di universiti awam iaitu UKM dan UM. Kajian ini dilakukan pada tesis PhD dan penulisan buku yang telah diterbitkan sekitar tahun 2006 sehingga tahun 2012. Hal ini menunjukkan terdapat perkembangan kajian di Malaysia.

3.3 Jenis dan Metode

Sorotan kajian lepas telah menemukan pelbagai cara dan pendekatan yang diimplementasikan dalam mentafsirkan al-Quran. Salah satu pendekatannya adalah dengan menggunakan tafsir tematik. Kajian [Yusof et al. \(2021\)](#), menyatakan bahawa pandangan ulama tafsir tematik dibahagikan kepada dua. Kelompok pertama seperti al-Farmāwī, al-Ghazālī, Sabtan dan M. Quraish Shihab dikelompokkan tafsir tematik kepada dua jenis, iaitu bentuk pertama berasaskan objektif atau tema sesebuah surah dan bentuk kedua berasaskan sesuatu tema atau tajuk. Manakala kelompok kedua seperti Muslim, al-Khalidī dan Zulkifli menambah satu jenis tafsir tematik iaitu berasaskan istilah.

Dalam Kajian [Abas dan Sahad \(2021\)](#), terdapat tiga bentuk dan jenis tafsir tematik al-Quran yang digunakan, iaitu lafaz, tema dan surah. Hal ini bertepatan dengan kajian [Abu Bakar et al. \(2019\)](#), [Ruzi dan Ibrahim \(2020\)](#), dan [Abu Bakar \(2022\)](#), yang menyatakan bahawa ada tiga sahaja bentuk tafsir tematik yang dilakukan di Malaysia. Menurut [Ruzi dan Ibrahim \(2020\)](#), tema kajian tafsir tematik yang dijalankan di Malaysia dibahagikan kepada tujuh, iaitu bahasa, akidah, ibadah, akhlak, politik, ekonomi dan sosial. Manakala kajian [Abu Bakar \(2022\)](#), mendapati antara tema artikel yang difokuskan dalam kajian tafsir tematik adalah haiwan dan ternakan, prinsip kesantunan bahasa, konsep keluarga, kapal dalam al-Quran, hari kiamat dan perkataan hujan.

Selain itu, analisis sorotan mendapati bahawa prosedur tafsir tematik ditambah baik dari semasa ke semasa. Al-Farmāwī telah menggariskan beberapa langkah untuk mentafsirkan al-Quran secara tematik. Beliau merupakan antara pelopor awal dalam penulisan tafsir tematik ([Abu Bakar, 2022](#)). Langkah pertama, pemilihan tema persoalan dalam al-Quran yang akan dibahas secara tematik. Langkah kedua, mengumpulkan ayat-ayat yang berkaitan dengan isu atau tema yang telah ditetapkan, serta mengklasifikasi ayat sebagai *Makkiyah* dan *Madaniyah*. Langkah ketiga, menyusun ayat tersebut berdasarkan peristiwa penurunan dan sebab penurunannya. Langkah keempat, mengenalpasti hubungan ayat tersebut dalam setiap surahnya. Langkah kelima adalah menyusun objektif atau tema pembahasan dalam kerangka yang tepat, sistematik, sempurna dan utuh. Langkah keenam pula melengkapkan pembahasan al-Quran dengan hadis untuk mencapai kesempurnaan dalam penjelasan. Langkah terakhir, mengkaji ayat-ayat secara menyeluruh dari segi persamaan antara ayat, iaitu *ayat 'ām*, *khāṣ*, *muṭlaq*, *muqayyad* dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, [Abu Bakar \(2022\)](#) mendapati bahawa langkah-langkah yang disusun oleh al-Farmāwī ini bersifat umum kerana lebih menjurus kepada jenis tafsir tematik tema dan surah. Perkara ini bertepatan dengan pandangan [Yardho \(2019\)](#) di mana langkah-langkah tafsir tematik yang disusun oleh al-Farmāwī berpengaruh namun perlu ditambah baik mengikut peredaran zaman. Langkah-langkahnya adalah pertama, menetapkan masalah atau isu yang dibahas. Kedua, menyusun ayat al-Quran mengikut masa penurunan wahyu. Ketiga, melengkapkan pentafsiran dengan pengertian kosa kata. Keempat, mengetahui sebab turun ayat. Kelima iaitu terakhir, menyusun tema pembahasan dengan tepat, sistematik dan sempurna. Selain itu, teori

dan konsep yang diimplementasikan dalam tafsir tematik oleh beliau adalah penjelasan objektif al-Quran kepada masyarakat (Yunus et al., 2021).

3.4 Aplikasi Metode

Kajian sorotan ini menemukan tiga bentuk tafsir tematik iaitu lafaz, tema dan surah. Kajian mengenai perkataan atau lafaz dalam al-Quran menunjukkan pertambahan. Analisis mendapati kajian perkataan yang digunakan oleh Mardhiah dan Zul-kifli (2022), Mohd et al. (2023), Sardaraz dan Ali (2019), Yusof et al. (2021), dan Toure et al. (2019), membincangkan mengenai pengertian lafaz secara umum dan khusus, munasabah ayat, pengumpulan perkataan di dalam al-Quran, dan analisis tema perkataan berdasarkan skop semasa. Selain itu, kajian Sardaraz dan Ali (2019) menggunakan pandangan sarjana Muslim dan Barat sebagai huraian.

Seterusnya, kajian Alias et al. (2020), Ali dan Makhsin (2019), Husain (2022), Rofiq et al. (2022), Said dan Hanapi (2019), dan Usman dan Ahmad (2019), mendapati bahawa kebanyakan kajian menggunakan beberapa naratif iaitu mengupas isu dengan mendalam dari segi takrifan dan pandangan sarjana, menganalisis ayat al-Quran berkaitan isu, kemudian menganalisis tema dan sub tema atas ayat yang dikumpulkan serta menyatakan hasil dapatan serta implikasi terhadap masyarakat. Seterusnya, kajian secara rasional dan kritikal mengenai tema politik dalam al-Quran dijalankan oleh Aras dan Solihin (2022). Kajian mengenai surah pula, berdasarkan kajian Bohari, Yusof dan Kosnin (2021) dan Mohd, Ghazali dan Fauzi (2021), memperoleh kebanyakan kajian surah ini menggunakan metode umum seperti pemilihan isu dan surah, pembahagian tema dan sub tema dalam surah yang dikaji, serta implikasi isu kepada masyarakat atau sesebuah kumpulan masyarakat. Hal ini menunjukkan bahawa kajian aplikasi metode tafsir tematik banyak dijalankan berbanding tema-tema yang lain.

4. KESIMPULAN

Kajian-kajian tafsir tematik di Malaysia merangkumi empat tema utama pengkajian, iaitu definisi tafsir tematik, sejarah dan perkembangan, jenis dan metode serta aplikasi metodologinya. Tema kajian yang tertinggi dan mendapat perhatian dalam kalangan sarjana tafsir ialah aplikasi metode tafsir tematik. Fakta ini membuktikan bahawa pengkaji tafsir tematik di Malaysia cenderung menggunakan metode pentafsiran dan hanya sedikit cenderung menjadi sejarawan tafsir. Hal ini kerana kebanyakan kajian yang ditemui menggunakan pengaplikasian tafsir tematik berbanding kajian berkenaan konsep tafsir tematik, sejarah dah sebagainya.

Pertambahan kajian dalam tafsir tematik ini menonjolkan signifikannya dalam membantu masyarakat memahami konsep dan isi al-Quran untuk dihubungkan pada zaman ini. Kajian ini dapat menambah maklumat berkenaan kajian lanjutan dalam tafsir tematik yang terkini. Justeru, bidang pentafsiran tafsir tematik ini perlu diusahakan lagi oleh pengkaji tafsir terutama dalam kajian konsepnya agar memperoleh kesinambungan tema-tema di dalam al-Quran dengan keperluan masyarakat kini.

5. PENGHARGAAN

Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

RUJUKAN

- Abas, N. A., & Sahad, M. N. (2021). A comparative study between reflexive thematic analysis in social sciences and Qur'anic thematic analysis in Qur'anic sciences. *Ma 'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 17(Special Issue), 1-25. <https://brill.com/view/journals/mtsraop/article-10.1163-15700682>.
- Abdul Hadi, A. Z. S., Abd Latif, M. A. N., & Abdul Rahman, M. H. (2018). Ketokohan Tn. Hj. 'Abdullah Al-Qari Bin Hj. Salleh ('AQHAS) sebagai tokoh mufassir tematik di Malaysia. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 5(3), 13-24. <https://doi.org/10.11113/umran2018.5n3.245>.
- Abdullah, M., & Syafi'i, A. M. (2009). Khazanah tafsir di Nusantara: Penelitian terhadap tokoh dan karyanya di Malaysia, Brunei Darussalam, Singapura, dan Thailand. *Kontekstualita: Jurnal Penelitian Sosial Keagamaan*,

25(1), 31–46. <https://www.neliti.com/publications/37141/khazanah-tafsir-di-nusantara-penelitian-terhadap-tokoh-dan-karyanya-di-malaysia>.

- Abu Bakar, S. (2022). *Pendekatan tafsir mawdu'ī dalam penulisan tafsir di Malaysia* (Tesis Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abu Bakar, S., Hussin, H., & Wan Abdullah, W. N. (2019). Analisis perkembangan penulisan Tafsir Maudu'i di Malaysia. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(2), 142–153. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v4i2.62>.
- Ali, K. Z. C., & Makhsin, M. (2019). Konseptualisasi amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 20(1), 65–81. <https://dlwqtxtslx7le7.cloudfront.net/100901279/271>.
- Alias, B., Yakob, M. A., Saidon, R., & Lahuri, M. S. H. (2020). Analisis isu gender berdasarkan al-Quran bagi menangkis tuntutan persamaan hak antara lelaki dan wanita. *Journal of Contemporary Studies (JCIS)*, 6(2), 1–11. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/42975/1/42975.pdf>.
- Aras, Z., & Solihin, S.M. (2022). Political exegesis of the holy Qur'an: A rational and critical vision. *Al-Jami'ah: Journal of Islamic Studies*, 60(1), 287–314. <https://doi.org/10.14421/ajis.2022.601.287-314>.
- Bohari, M., Yusof, F. M., & Kosnin, A. M. (2021). Teacher's emotional intelligence based on morality in Surah Yusuf. *International Journal of Academic Research in Business & Sosial Sciences*. 11(12), 2604–2618. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v11-i12/11989>.
- Daroini, M., & Hamidah, T. (2021). Musibah dalam perspektif al-Qur'an (pendekatan tafsir maudhu'i). *Journal of Qur'an and Hadith Studies*, 10(2), 203–222. <https://doi.org/10.15408/quhas.v10i2.19829>.
- Fauzan, F., Mustofa, I., & Masruchin, M. (2019). Metode tafsir maudhu'i (tematik): Kajian ayat ekologi. *Al-Dzikra. Jurnal Studi Ilmu al-Qur'an dan al-Hadits*, 13(2), 195–228. <http://dx.doi.org/10.24042/al-dzikra.v13i2.4168>.
- al-Dhahabī, M. H. (t.th). *al-Tafsīr wa al-mufasssīrūn*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Goldziher, I. (1920). *Die Richtungen der Islamischen Koranauslegung*. Leiden: Brill.
- Hamid, S. Z., Usman, A. H., Samsudin, S., & Zahrin, S. N. A. (2021). Tarbiah akidah dalam surah Makiyyah melalui Kitab Nazarāt Fi Kitābillah. *e-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 8(1), 143–174. <https://ejpi.kuis.edu.my/index.php/ejpi/article/view/35>.
- Hijāzī, M. M. (2010). *Fenomena keajaiban al-Qur'an: Kesatuan tema dalam al-Quran*. Jakarta: Gema Insani.
- Husain, H. (2022). Huraian tema ayat-ayat berkaitan doa di dalam al-Quran. *Al-'Abqari: Journal of Islamic Sosial Sciences and Humanities*, 27(1), 145–157. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol27no1.519>.
- Hussin, H., Ibrahim, M., Majid, L. A., Amin, K. M., Mohamad, S., Othman, F. M., ... & Shah, A. (2012). The trend of Malay Quranic commentary writing in Malaysia in the 20th century. *Journal of Applied Sciences Research*, 8(8), 4343–4349. <https://www.aensiweb.com/old/jasr/jasr/2012/4343-4349.pdf>.
- Hussin, H., & Majid, L. A. (2013). Early development of Quranic exegesis in Malaysia. *International Journal of Asian Social Science*, 3(8), 1732–1744. <https://archive.aessweb.com/index.php/5007/article/view/2529>.
- Ibn 'Ashūr, M. A. (1970). *al-Tafsīr wa rijālūh*. t.tp.: *Majma' Buhūth al-Islāmiyyah*.
- al-Khālidī, S. A. F. (2010). *Ta'rīf al-dārisīn fī bi manāhij al-mufasssīrīn*. Damsyik: Dār al-Qalam.
- al-Khūlī, A. (2003). *al-Tafsīr: Ma'ālim ḥayātih, manhajūh al-Yawm*. Kaherah: Maktabah al-Usrah.

- Kusroni, K. (2019). Mengenal ragam pendekatan, metode, dan corak dalam penafsiran al-Qur'an. *KACA (Karunia Cahaya Allah): Jurnal Dialogis Ilmu Ushuluddin*, 9(1), 89–109. <https://doi.org/10.36781/kaca.v9i1.2988>.
- Ma'rifah, H. (1997). *al-Tafsir wa al-mufasssirun fi thawbih al-qashib*. t.tp.: al-Jāmi'ah al-Riḍawiyah li al-'Ulūm.
- Mardhiah, 'A., & Zul-kifli, H. (2022). Prinsip Al-wiqāyah dalam kelestarian alam sekitar. *Al-Takamul al-Ma'rifi*, 5(1), 85-96. <http://devojs.usas.edu.my/altakamul/index.php/altakmulfiles/article/view/93>.
- Mohamed, N. Z. C., Ahmad, M. N., & Mohd, N. S. (2023). Perkembangan ilmu tafsir merentas zaman. *Journal of Al-Quran and Al-Sunnah (TURATH)*, 8(1), 45–60. <http://spaj.ukm.my/jalturath>.
- Mohd, R. A., Mohd Ghazali, N., Fauzi, N., Muhammad Yusuff, M. F., & Mohammad Zaini, N. S. (2023). Tafsir Tematik Konsep Israf Dalam Pengambilan Makanan Menurut Perspektif Al-Quran. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 10(2), 27–36. <https://doi.org/10.11113/umran2023.10n2.609>.
- Nazhifah, D. & Karimah, F. I. (2021). Hakikat tafsir maudhu'i dalam al-Qur'an. *Jurnal Iman dan Spritualitas*, 1(3), 368-376. <http://dx.doi.org/10.15575/jis.v1i3.13033>.
- Nursidik, I., & Maulana, M. E. (2021). Tinjauan kritis terhadap metode tafsir maudhu'i. *Jurnal Iman dan Spritualitas*, 1(4). 423-428. <https://doi.org/10.15575/jis.v1i4.13015>.
- Othman, M. S. (2018). *Mari mengenal ilmu tafsir*. Kuala Lumpur. Rimbunan Islamik Media Sdn. Bhd.
- Qadafy, M. Z. (2022). Challenging al-Dhahabī's (1915-1977) authority in the historiography of tafsīr: A clarification of his salafī outlook. *Islamic Studies Review VIII*, 1(2), 217-237. <https://doi.org/10.56529/isr.v1i2.86>.
- Rofiq, A., Putra, Y. H. S., Djalaluddin, A., Wargadinata, W., & Anam, K. (2022). The construction of fundamental values of islamic economics: learning from ulul albab verses. *QURANICA, International Journal of Quranic Researh*. 14(1), 1-25. <https://ijps.um.edu.my/index.php/quranica/article/view/37599>.
- Rokim, S. (2017). Mengenal metode tafsir tahlili. *Al-Tadabbur: Jurnal Ilmu Al-Qur'an Dan Tafsir*, 2(3), 41–56. <http://dx.doi.org/10.30868/at.v2i03.194>.
- Rufaydah, I. (1990). *al-Naḥw wa kutub al-tafsīr*. Kaherah: Dār al-Kutub al-Waṭaniyyah.
- al-Rūmī, F. (t.th.). *Buḥuth fī uṣūl al-tafsīr wa manāhijuh*. t.tp.: Maktabah al-Tawbah.
- Ruzi, N., & Ibrahim, M. (2020). Perkembangan kajian tafsir mawdu'i di Malaysia (1990-2016). *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(1), 72–90. <https://www.bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/104>.
- Said, S., & Hanapi, M. S. (2019). The philosophy of halal science concept in al-Qur'an: A study of thematic exegesis. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(5), 154–166. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v9-i5/5847>.
- Saleh, W. A. (2010). Preliminary remarks on the historiography of tafsir in Arabic: A history of the book approach. *Journal of Quranic Studies*, 12(1-2), 6-40. <https://www.jstor.org/stable/25831163>.
- Sardaraz, K. & Ali, R. (2019). A cognitive-semantic approach to the interpretation of death metaphor themes in the Quran. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 4(2), 219-246. <https://doi.org/10.24200/jonus.vol4iss2pp219-246>.
- Sholeh, S. (2018). Pendekatan tafsir al-qur'an dalam perspektif Ibn Taymiyyah. *Rausyan Fikr*. 14(1), 95–112. <http://dx.doi.org/10.31000/rf.v14i1.675>.

- Toure, A. K., Mohamed, A. K., Ahmad, A. M., Mohd, R. A., Hoque, M., Ghazali, N. M., & Ahmad, N. I. (2019). An analytical study of the word “Basar” in religious scripture to understand human characters. *International Journal of Civil Engineering and Technology (IJCIET)*, 10(1), 67–71. <http://www.iaeme.com/SearchResults.asp>.
- Ula, M. Q. M., & Elatrash, R. J. (2019). Islamic critical thinking on the unity thematic of al-Qur’ān of Al-Asās Fī At-Tafsīr. *Al-Risalah: Journal of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences (ARJHS)*, 3(3), 1-20. <https://journals.iium.edu.my/al-risalah/index.php/al-risalah/article/view/186>.
- Usman, A. H. & Ahmad, H. (2019). Konsep firasat menurut al-Quran: analisis tematik wacana mufasirin. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(1), 1–11. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v4i1.42>.
- Usman, A. H. & Ibrahim, M. (2014). *Al-Tafsīr al-Mawḍū’ī: Lafaz al-Nafar dalam al-Quran*. Bangi: Penerbit UKM.
- Wansbrough, J. (1977). *Qur’anic studies: Sources and methods of scriptural interpretation*. Oxford: Oxford University Press.
- Yardho, M. (2019). Rekonstruksi tafsir mawdu’i: Asumi, paradigma, dan implementasi. *ISLAMUNA: Jurnal Studi Islam*, 6(1). 44–63. <https://doi.org/10.19105/islamuna.v6i1.2274>.
- Yunus, B. M., Rohman, A., & Durachman, A. J. R. (2021). Studi komparatif pemikiran al-Farmawi, Baqir Shadr dan Abdussatar Fathallah tentang tafsir maudhui. *Jurnal Iman Dan Spiritualitas*, 1(3), 286–296. <https://doi.org/10.15575/jis.v1i3.12836>.
- Yusof, S. A., Mohamad Akhir, N. S., Mohd Taher, M. S. I., & Mohd Yusof, A. S. (2021). Tafsir tematik: Istilah al-fulk dalam al-Quran. *Voice of Academia*, 17(2), 25–37. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/49992>.

Disclaimer

The views expressed in this article are those of the author. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* shall not be liable for any loss, damage or other liability caused by / arising from the use of the contents of this article.

